

31/10/2002

Kerajaan akan tubuh Majlis Sosial Negara

reports on "Dewan Rakyat" by Junita Mat Rasid; Tuan Nazuri Tuan Ismail KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Sosial Negara dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan ditubuhkan bagi membantu kerajaan menyelesaikan masalah sosial serta memupuk perpaduan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk S Veerasingam, berkata majlis itu ditubuhkan selaras dengan Dasar Sosial Negara.

Katanya, ketika menggulung perbahasan Bajet 2003 peringkat Jawatankuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, di Dewan Rakyat, semalam.

Antara fungsi majlis berkenaan ialah membantu kerajaan mengatasi gejala sosial di samping membincangkan program tertentu seperti perpaduan negara dan pembangunan masyarakat.

Sebelum ini, kerajaan mewujudkan Jawatankuasa Membanteras Gejala Sosial yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Jawatankuasa ini khusus untuk menangani gejala sosial yang berlaku khususnya di kalangan remaja di negara ini," katanya.

Veerasingam berkata, kementerian turut menubuhkan Panel Perundingan Agama bagi menyelesaikan isu agama di negara ini khususnya untuk mengelakkan perpecahan di kalangan kaum.

Sementara itu, kata beliau, sikap rakyat negara ini yang mudah memberikan sedekah menyebabkan kerajaan sukar untuk mencegah kegiatan mengemis.

"Di Wilayah Persekutuan, sejak Januari hingga Ogos 2002, seramai 434 pengemis ditahan dalam 66 serbuan yang dijalankan," katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, walaupun serbuan seumpama itu kerap dijalankan, aktiviti mengemis masih tetap berjalan seperti biasa kerana rakyat negara ini mudah memberikan sedekah.

"Jadi, masyarakat dirayu supaya tidak memberikan sedekah kepada pengemis kerana kita (kementerian) mempunyai tempat untuk berbuat demikian untuk orang kurang upaya atau mereka yang tidak bernasib baik.

"Malah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga berperanan membantu golongan ini (orang kurang upaya dan tidak bernasib baik," katanya.

Mengenai talian Teledera, Veerasingam menjelaskan, hanya 307 panggilan diterima sejak Januari hingga 24 Oktober tahun ini berbanding 713 panggilan pada 2001.

Beliau berkata, orang ramai boleh menghubungi talian itu menerusi nombor 1-800-88-3040.